




SATU SUNTIKAN DI LENGAN

Singapura telah memulakan program vaksinasi Covid-19 pada 30 Disember tahun lalu, dengan 40 kakitangan barisan hadapan dari Pusat Kebangsaan Bagi Penyakit Berjangkit (NCID). Berikut langkah yang diambil untuk mereka yang menerima vaksin ini.




- 1**  Penerima vaksin isi borang maklumat dan borang saringan. Butiran peribadi, maklumat perubatan dan persetujuan diperolehi.




- 2**  Bila tiba masa untuk divaksin, penerima vaksin akan ditanya mengenai **status kehamilan, sejarah alahan teruk dan kesihatan sistem imunnya** – seperti menerima transplan atau rawatan penyakit barah baru-baru ini.


- 3**  Jika penerima layak divaksin, vaksin yang disejuk beku akan dicairkan. Ia kemudian boleh disimpan pada suhu bilik untuk beberapa jam. Satu bekas kecil Pfizer-BioNTech mengandungi **5 dos vaksin.**




- 4**  Pemberi vaksin akan mengeluarkan larutan sodium klorida untuk **mencairkan vaksin.**
- 5**  Penutup bekas kecil vaksin akan dibersihkan dengan **swab antiseptik sekali guna**, sebelum larutan sodium klorida dimasukkan.
- 6**  Bekas kecil vaksin kemudian diterbalikkan perlahan-lahan, dan vaksin bertukar menjadi **cecair berwarna putih pudar.**




- 7**  Tarikh dan masa pencairan akan diambil. Bekas kecil vaksin harus dibuang setelah dibuka **selepas enam jam.**

- 8**  Vaksin disuntik ke lengan menggunakan jarum paling kecil. Isi padu yang disuntik ialah **0.3ml.**



- 9**  Selepas disuntik, penerima akan dapat kad vaksinasi dan **dipantau selama 30 minit** untuk pastikan vaksin diterima dengan baik. Penerima kemudian boleh kembali bekerja.

- 10**  Penerima vaksin kemudian akan kembali untuk mengambil dos kedua **21 hari selepas suntikan pertama.**

